



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Helah kebas RM35,600 - Warga emas ditipu sindiket Macau Scam  
Publication/Portal: Harian Metro  
Date: 22 March 2018

Language: Malay  
Section: Setempat  
Page: 40

Shahrinnahar Latib  
cnews@nstp.com.my

### Kuantan

**B**imbang bakal dipen-  
jara akibat kes dadah  
dan pengubahan  
wang haram menyebabkan  
seorang peniaga ditipu sin-  
diket Macau Scam hingga  
mengalami kerugian ber-  
jumlah RM35,600.

Dia yang berusia 68 tahun  
terpedaya dengan sindiket  
itu yang mendakwa dia  
mempunyai tunggakan ba-  
yaran pinjaman peribadi se-  
lain terbabit jenayah yang  
boleh dipenjarakan jika sabit ke-  
salahan.

Ketua Jabatan Siasatan Je-  
nayah Komersial Ibu Pejabat  
Polis Kontinjen (IPK) Pa-  
hang, Superintendan Mohd  
Wazir Mohd Yusof berkata,  
mangsa takut sebaik dibe-  
ritahu akan dipenjarakan dan  
direman untuk tempoh pan-  
jang sebelum mengikut se-  
mula arahan sindiket.

Beliau berkata, kejadian  
bermula Ahad lalu apabila  
mangsa yang tinggal di ban-

# Helah kebas RM35,600

## Warga emas ditipu sindiket Macau Scam



“**Mangsa digertak akan  
ditangkap secepat  
mungkin susulan  
jenayah itu”**

**Mohd Wazir Mohd Yusof**

dar ini dihubungi seorang  
suspek memperkenalkan  
diri sebagai Fauzi dari Hong  
Leong Bank cawangan Tai-  
ping, Perak.

“Suspek memaklumkan  
mangsa mempunyai tungga-  
kan bayaran pinjaman pe-  
ribadi yang dinafikan mang-  
sa sebelum talian itu disam-  
bungkan ke Ibu Pejabat Polis  
Kontinjen Perak.

“Mangsa kemudian berca-  
kap dengan seorang lagi sus-  
pek yang menyamar sebagai  
Inspektor Yong dan men-  
dakwa semakan dilakukan  
mereka mendapati mangsa  
turut terbabit pengedaran  
dadah dan pengubahan  
wang haram.

“Mangsa digertak akan di-  
tangkap secepat mungkin

susulan jenayah itu,” katanya  
ketika dihubungi, semalam.

Mohd Wazir berkata, di-  
sebabkan bimbang, mangsa  
menurut arahan suspek un-  
tuk memasukkan wang ke  
akaun yang didakwa milik  
Bank Negara bagi siasatan  
lanjut.

Katanya, mangsa memin-  
dahkan semua wang simpa-  
nannya berjumlah RM35,600  
menggunakan perbankan  
Internat sebelum dia meng-  
hubungi semula suspek (Ins-  
pektor Yong), namun gagal.

“Berasakan dirinya mung-  
kin ditipu, mangsa membuat  
laporan polis di Ibu Pejabat  
Polis Daerah (IPD) Kuantan,  
semalam dan kes itu disiasat  
mengikut Seksyen 420 Ka-  
nun Keseksaan,” katanya.